

## ULASAN DANA

Pada bulan Februari 2025, dana mencatat pulangan berjumlah -2.15% berbanding pulangan penanda aras berjumlah 1.36%.<sup>②</sup>

### CIRI-CIRI DANA

#### Objektif Pelaburan

Dana ini direka untuk memberikan prestasi daripada sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah yang dikenali sebagai sukuk, tunai, dan deposit tetap yang melebihi Indeks Sukuk Dow Jones dalam tempoh sederhana hingga panjang.

#### Strategi Pelaburan

Dana ini akan melaburkan sekurang-kurangnya 95% dalam dana sukuk global patuh Syariah yang diluluskan dan bakinya dalam tunai dan deposit tetap. Dana sasaran iaitu Franklin Global Sukuk Fund melabur terutamanya dalam portfolio sekuriti patuh Syariah berkadar tetap dan terapung (termasuk sekuriti gred bukan pelaburan) seperti Sukuk, penempatan Murabaha dan Wakala, serta instrumen jangka pendek lain yang diterbitkan oleh kerajaan, entiti berkaitan kerajaan, dan syarikat korporat di negara-negara maju dan membangun.

#### Pasaran Sasaran


Dana ini disasarkan kepada individu yang mempunyai selera untuk strategi pelaburan yang berisiko rendah, daripada pendedahan kepada turun naik sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah (sukuk), dengan kemungkinan pulangan sederhana dalam jangka masa sederhana hingga panjang.

#### Penanda Aras

Indeks Sukuk Dow Jones: Bloomberg.com

### PRESTASI DANA

#### Prestasi Nilai Aset Bersih dalam denominasi Ringgit Malaysia



Sumber: Etiqa Family Takaful Berhad


#### Sejarah Prestasi Dana dalam denominasi Ringgit Malaysia (dalam %)

%	1 bulan	Tahun Hingga Kini	1 tahun	3 tahun	5 tahun	Sejak permulaan	Ditahunkan Sejak Permulaan
<b>Dana</b>	-2.15	-0.93	-5.06	n/a	n/a	-4.30	-2.60
<b>Penanda Aras</b>	1.36	2.84	1.12	n/a	n/a	6.48	3.84
<b>Perbezaan</b>	-3.51	-3.77	-6.18	n/a	n/a	-10.78	-6.44

Sumber: Etiqa Family Takaful Berhad


### DANA SASARAN TERPILIH (Franklin Global Sukuk Fund)

#### Perurukan Aset-aset mengikut Wilayah Geografi (%)



Sumber: Franklin Global Sukuk Fund, Helaian Fakta Dana pada 28 Feb 2025

#### Prestasi Dana dalam denominasi Dolar A.S (dalam %)



### BUTIRAN DANA

<b>Tarikh Permulaan</b>	14 Ogos 2023
<b>Mata Wang Dana</b>	Ringgit Malaysia
<b>Pengurus Dana</b>	Etiqa Family Takaful Berhad
<b>Saiz Dana</b>	RM24.43 juta
<b>Nilai Aset Bersih (NAB) seunit</b>	RM0.96
<b>Fi Pengurusan Dana</b>	1.00 % setahun daripada NAB
<b>Ticker Bloomberg</b>	DANASSG MK Equity
<b>Tahap Risiko Keseluruhan</b>	2 (1=Risiko Rendah hingga 5=Risiko Tinggi)
<b>Asas Penilaian Unit</b>	Harga unit ditentukan setiap hari berdasarkan nilai aset yang mendasari dana, selepas menolak perbelanjaan, dibahagikan dengan jumlah bilangan unit dalam dana tersebut.
<b>Kekerapan Penilaian Unit</b>	Setiap Hari
<b>Caj-caj Lain, jika ada</b>	Yuran dan perbelanjaan pengurus dana sasaran akan ditolak sebelum nilai pemegangan kami dalam dana sasaran di samping yuran pengurusan dana di atas.
<b>Patuh Syariah</b>	Ya

### NILAI ASET BERSIH TERTINGGI DAN TERENDAH SEUNIT (DALAM RM)

Tahun	Tinggi (RM)	Rendah (RM)
2025 (YTD)	0.98	0.94
2024	1.02	0.93
2023	1.01	0.96

### BUTIRAN DANA

<b>Nama Dana</b>	Franklin Global Sukuk Fund
<b>Pengurus Dana</b>	Franklin Templeton
<b>Fi Pengurusan Dana</b>	Sehingga 0.70% setahun
<b>Tarikh Permulaan</b>	10 September 2012
<b>Mata Wang Dana</b>	USD
<b>Saiz Dana</b>	USD 814.54 juta
<b>NAB seunit</b>	USD 14.12
<b>Penilaian</b>	Setiap Hari

### 5 PEGANGAN TERATAS

- 1) SAUDI ELECTRICITY SUKUK PROGRAMME CO.
- 2) AL MI'YAR CAPITAL
- 3) TMS ISSUER
- 4) DP WORLD CRESCENT LTD
- 5) ROP SUKUK TRUST

Sumber: Franklin Global Sukuk Fund, Helaian Fakta Dana pada 28 Feb 2025

Sumber: Franklin Global Sukuk Fund, Helaian Fakta Dana pada 28 Feb 2025

## Keadaan Luar Biasa

- Dalam keadaan luar biasa, kami berhak untuk menggantung pembentukan atau pembatalan unit. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan akan disiarkan di laman web kami, dan akan diberitahu kepada peserta atas apa-apa permintaan untuk tambah nilai, pertukaran, atau pengeluaran kepada atau daripada dana.
- Pada bila-bila masa, kami mempunyai hak untuk menutup mana-mana dana, atau untuk memindahkan pelaburan kepada dana baharu, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh pengawal selia. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberikan notis bertulis 90 hari terlebih dahulu.

## PENDEDAHAN RISIKO

Peserta harus mempertimbangkan potensi risiko berikut apabila melabur dalam dana. Pelabur harus sedar bahawa dengan melabur dalam dana, tiada jaminan pulangan. Tiada jaminan bahawa pelabur akan menikmati kenaikan modal atau tidak akan mengalami kehilangan modal yang dilaburkan dalam dana.

- Risiko Pasaran** - Risiko kerugian dalam nilai aset yang dilaburkan oleh dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pasaran kewangan. Faktor-faktor ini disebabkan oleh keadaan semasa atau tinjauan masa hadapan, dan boleh melibatkan kedua-dua tempatan dan asing. Faktor-faktor ini boleh termasuk ekonomi, politik, kadar hasil bon/sukuk kerajaan, serakan kredit ke atas bon/sukuk korporat, penarafan kredit negara, tahap pasaran saham, kadar pertukaran asing, dan harga komoditi. Pengurus pelaburan dana mengurangkan risiko pasaran dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko pasaran dengan memilih dana yang mempunyai kadar aset berbentuk tunai yang lebih tinggi.
- Risiko Kredit dan Kemungkiran** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang dilaburkan dalam tunai, bon/sukuk atau hutang, disebabkan oleh faktor-faktor penangguhan atau penyusunan semula pembayaran berjadual daripada pihak berurusan ke atas pelaburan yang mendasarinya. Faktor-faktor ini boleh termasuk kebankrutan pihak berurusan. Pengurus pelaburan dana mengurangkan risiko kredit dan kemungkiran dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kredit dengan memilih dana dengan pendedahan yang lebih rendah kepada bank-bank atau penerbit-penerbit dengan risiko kredit yang lebih tinggi.
- Risiko Kecairan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang menghalang penjualan suatu aset dana dengan segera. Faktor-faktor ini boleh termasuk kekurangan pembeli dalam pasaran, atau ketersediaan kecairan kepada pembeli. Pengurus pelaburan dana mengurangkan risiko kecairan dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kecairan dengan memilih dana yang mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada tunai atau aset yang kerap didagangkan.
- Risiko Penumpuan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada aset atau pasaran tunggal atau serupa. Pengurus pelaburan dana mengurangkan risiko penumpuan dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko penumpuan dengan memilih dana yang memegang pelbagai aset, atau merangkumi pelbagai kelas aset, sektor pasaran, dan pihak berurusan.
- Risiko Mata wang** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan kepada aset yang diukur dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia dan pergerakan dalam kadar pertukaran mata wang asing kepada Ringgit Malaysia. Pengurus pelaburan dana boleh menggunakan strategi lindung nilai mata wang untuk mengurangkan risiko mata wang. Peserta juga boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko mata wang asing dengan memilih dana yang dilaburkan dalam aset dalam denominasi Ringgit Malaysia.
- Risiko Operasi** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan sistem atau peristiwa luaran. Beberapa contoh insiden operasi termasuk:
  - penyelewengan pelaburan disebabkan oleh penipuan, tindakan menyalah undang-undang, berniat jahat, iri hati, atau keganasan;
  - gangguan atau kegagalan sistem dan infrastruktur IT, yang mungkin digunakan untuk pemantauan, pelaksanaan, dan pentadbiran;
  - pengiraan tidak tepat kerana kualiti atau kesilapan data, kelemahan metodologi, atau salah pengiraan; dan
  - ketidakcekapan kawalan dalaman.Pengurus pelaburan dana mengurangkan risiko dengan mengasingkan tugas dan fungsi individu, menetapkan pemulihan bencana dan proses kesinambungan perniagaan, melakukan pemeriksaan berkala bebas, dan melaksanakan pemilihan vendor pihak ketiga dan proses penilaian yang berterusan.
- Risiko Tidak Patuh Syariah** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh ketidakpatuhan dengan peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah bagi aset tertentu dana. Sekiranya aset tertentu menjadi tidak patuh Syariah, aset tersebut akan dilepaskan dan apa-apa pendapatan yang berkaitan mesti disumbangkan. Masa untuk melepaskan aset dinilai oleh pengurus pelaburan dan memerlukan persetujuan jawatankuasa Syariah sekiranya melebihi 6 bulan. Peraturan dan prinsip Syariah ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah atau majlis pengawalseliaan Syariah yang lain. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dengan memantau pelaburan yang dipegang berbanding senarai sekuriti patuh Syariah yang diluluskan.

## NOTA-NOTA PENTING

- 1 Helaian Fakta Dana ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak bertujuan, dan tidak seharusnya ditafsirkan sebagai tawaran, cadangan atau permintaan untuk menyertai atau membeli suatu sijil takaful. Ia tidak dalam apa-apa cara atau perbuatan diharsaskan untuk menjadi atau harus dianggap sebagai memberi apa-apa bentuk nasihat kepada anda. Bakal Peserta perlu melakukan penilaian mereka sendiri tentang kesesuaian sijil dan risiko-risiko dana, berbanding dengan keperluan mereka, dan perlu mengambil kira nasihat profesional.
- 2 Helaian Fakta Dana ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Ilustrasi Pemasaran dan Helaian Pendedahan Produk untuk sijil. Bakal peserta perlu memberi perhatian teliti terhadap manfaat sijil yang bergantung kepada prestasi dana.
- 3 Risiko-risiko yang didebakkan di atas bukanlah semua risiko yang mungkin berkaitan dengan bakal peserta tertentu. Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.
- 4 Prestasi dana terikat dengan prestasi aset yang dipegang oleh dana, dan seperti yang dinyatakan dalam helaian fakta dana ini.
- 5 Prestasi lepas bukan petunjuk prestasi masa hadapan.
- 6 Prestasi dana adalah pulangan ke atas aset dana, bukan pulangan ke atas sumbangan yang dibayar, kerana sumbangan tertakluk kepada caj-caj sebelum melabur dalam dana, dan dana mungkin tertakluk kepada caj-caj, yang khusus bagi sijil takaful, dan perbezaan masa aliran tunai.
- 7 Prestasi dikira berdasarkan NAB seunit pada permulaan dan akhir tempoh pengukuran, dikira sebagai:  
Pulangan NAB = (Tempoh Akhir NAB seunit / Tempoh Mula NAB seunit) – 1
- 8 Prestasi tahunan dikira berdasarkan kaedah pulangan dikompaun.
- 9 Apabila pengagihan disyitharkan, pelabur dinasihatkan bahawa setelah pengagihan, NAB seunit akan dilaraskan sewajarnya.
- 10 Pengisyntaran pengagihan adalah atas budi bicara pengurus dana dan tidak dijamin.



Bukan sahaja Takaful,  
Etika Takaful